



Usaha sentiasa dibuat untuk memastikan agar penjagaan kesihatan di Singapura termampu menerusi subsidi yang tinggi daripada pemerintah dan ditambah pula dengan rangka kerja 3M yang menyeluruh – Medisave, MediShield dan Medifund. Dalam advertorial kedua dari Kementerian Kesihatan (MOH), dua warga Singapura yang bekerja sendiri berkongsi pengalaman mereka mengenai usaha mengurangkan bil perubatan mereka.

## Medisave membawa faedah kepada golongan yang bekerja sendiri

Adalah penting bagi semua rakyat Singapura untuk mempunyai simpanan yang mencukupi bagi memenuhi keperluan penjagaan kesihatan mereka. Kebanyakan warga Singapura yang bekerja mencarumkan wang secara tetap ke dalam akaun Medisave mereka menerusi pendapatan bulanan mereka. Hasilnya, kebanyakan mereka mengumpulkan simpanan Medisave yang mencukupi untuk memenuhi keperluan penjagaan kesihatan mereka apabila mereka mencapai usia 55 tahun.

Bagaimanapun, terdapat segolongan rakyat Singapura yang menimbulkan keprihatinan - golongan yang bekerja sendiri. Tidak seperti pekerja yang makan gaji, ramai di kalangan mereka yang bekerja sendiri tidak menikmati faedah perubatan syarikat. Namun demikian, kebanyakan mereka tidak menyimpan wang yang mencukupi ke dalam Medisave. Ini menjadi satu perkara yang membimbangkan Menteri Kesihatan, Encik Khaw Boon Wan.

Beliau telah banyak kali mengingatkan tentang perlunya golongan yang bekerja sendiri membuat caruman tetap kepada Medisave. Pernah sekali semasa memberi peringatan demikian, beliau berkata: "Tanpa Medisave, bil hospital mungkin tidak mampu dibayar oleh pesakit. Kita mesti membuat golongan yang bekerja sendiri untuk membuat caruman tetap kepada Medisave mereka."

Sehingga September 2005, kurang daripada separuh – 43 peratus – daripada mereka yang bekerja sendiri telah membayar caruman Medisave mereka sepenuhnya. Buat masa ini, baki simpanan Medisave bagi seorang warga Singapura yang bekerja sendiri adalah kurang daripada simpanan Medisave bagi pekerja bergaji. Purata baki simpanan Medisave bagi seseorang yang bekerja sendiri ialah sekitar \$12,500 bagi mereka dalam kumpulan usia 55 hingga 59 tahun, dan ini hanya membentuk 60 peratus daripada jumlah Medisave bagi pekerja bergaji, iaitu \$21,500. Oleh itu, adalah sangat penting bagi mereka yang bekerja sendiri membuat caruman secara tetap kepada Medisave untuk memastikan mereka mempunyai wang yang mencukupi untuk menampung keperluan penjagaan kesihatan mereka di masa susah.

Cik Teo Sok Lian, 52 tahun, berbual dengan penuh minat dan tenaga meskipun selepas sehari sibuk mengendalikan gerai makanannya di kantin Sekolah Rendah Eunos.

Tetapi, kesihatannya yang baik tidak menghalangnya daripada menyimpan \$130 daripada pendapatannya ke dalam Medisave. "Apa sahaja yang saya simpan adalah untuk kegunaan masa hadapan. Penjagaan perubatan mahal sekarang, lebih-lebih lagi dengan



"Akaun seperti Medisave amat baik dan berguna untuk kita semua, agar kita hanya perlu mengeluarkan sedikit wang tunai."

- Encik Tay Kheng Huat, pemandu teksi

"Walaupun saya mempunyai lebih daripada \$30,000 dalam Medisave saya yang dikumpulkan sekian lama ini, saya ingin terus menyimpan jumlah yang saya mampu ke dalam akaun ini."

Pada tahun lalu, Encik Tay Kheng Huat telah diserang angin

ahmar yang ringan dan dimasukkan ke Hospital Besar Changi (CGH) untuk pemerhatian dan ujian. Jumlah bil perubatannya bagi penginapan dua hari dalam wad Kelas C di Hospital Besar Changi ialah \$1260 sebelum subsidi pemerintah. Bil beliau selepas subsidi hanya berjumlah \$292 atau 20 peratus daripada kos rawatan hospital – semuanya dibayar dengan menggunakan akaun Medisave beliau.

Pemandu teksi berusia 53 tahun itu telah dinasihati oleh doktor polikliniknya supaya memilih wad kelas C. Subsidi pemerintah sebanyak 80 peratus bagi wad kelas C menjimatkannya banyak wang. "Beliau berpendapat itu adalah pilihan yang lebih baik untuk saya kerana saya memandu teksi pada waktu itu dengan pendapatan saya yang tidak tetap, dan saya tidak harus menyusutkan simpanan Medisave saya," jelas Encik Tay.

Encik Tay yang telah memandu teksi selama empat tahun telah menyetepikan \$600 setiap tahun untuk dimasukkan ke dalam akaun Medisavanya sejak tiga tahun lalu. Jumlah itu membentuk sekitar 8 peratus daripada pendapatannya, iaitu, kadar caruman yang ditetapkan ke atas mereka yang berusia 46 tahun atau lebih. Adalah amat payah bagi beliau untuk menyetepikan jumlah ini. Bagaimanapun, beliau mengakui bahawa ia membawa manfaat: "Saya sihat dan tidak menjangkakan diri saya akan mengalami penyakit serius, tetapi sekiranya saya jatuh sakit, sekurang-kurangnya saya tahu wang Medisave saya akan dapat

membantu saya. Dengan subsidi pemerintah, penjagaan kesihatan untuk saya dan keluarga saya akan dapat ditampung dan itu sudah tentu melegakan fikiran saya."

Setelah melihat manfaat mempunyai akaun Medisave, Encik Tay kini menasihatkan semua rakannya yang memandu teksi untuk membuat caruman secara tetap kepada akaun Medisave mereka. Ini bermakna seseorang tidak perlu mengeluarkan wang yang banyak dari sakunya sendiri apabila timbul sesuatu keperluan, terutamanya apabila seseorang menghidap penyakit secara tiba-tiba atau dirawat di hospital buat tempoh yang lama.

### Bagaimana saya boleh mencarum wang ke dalam akaun Medisave?

Anda dikehendaki mencarum wang ke dalam akaun Medisave anda jika anda bekerja sendiri dan meraih pendapatan tahunan melebihi \$6,000. Bergantung kepada umur anda, kadar caruman kepada Medisave adalah berbeza-beza.

Umur	Kadar Caruman
35 tahun & ke bawah	6%
36 hingga 45 tahun	7%
46 tahun & ke atas	8%

Terdapat beberapa cara mudah untuk anda mencarum wang ke dalam akaun Medisave anda – anda boleh membayar melalui NETs / Kad Tunai atau wang tunai di sebarang Pejabat Pos Singapura, atau menggunakan GIRO, cek berpaling, stesen AXS, perbankan Internet.

Untuk maklumat lanjut mengenai cara mencarumkan wang ke dalam akaun Medisave anda, anda boleh menghubungi Lembaga CPF di 1800-227-1188 atau lungsuri laman [www.cpf.gov.sg](http://www.cpf.gov.sg).



"Meskipun \$130 adalah jumlah yang agak besar bagi saya memandangkan jumlah pendapatan saya sekarang, tetapi saya tahu adalah penting untuk menyetepikan wang ini."

- Cik Teo Sok Lian, pengendali kantin

teknologi, ujian dan rawatan yang maju – semuanya memerlukan wang," jelas beliau, sambil menambah, "Walaupun \$130 adalah jumlah yang agak besar buat saya memandangkan jumlah pendapatan saya sekarang, tetapi saya tahu adalah penting untuk menyetepikan wang ini."


Beliau tentu tahu: beberapa tahun lalu, bapanya telah dimasukkan ke hospital selepas dia terjatuh. Beliau memasukkannya ke wad Kelas B2, kerana beliau berasa bahawa rawatannya sama

berkesan dengan rawatan di wad-wad yang lebih mahal. "Pada akhir tempoh penginapan di hospital selama seminggu, bilnya berjumlah hanya beberapa ratus dolar oleh kerana subsidi pemerintah," kata beliau. Tambahan lagi, baki bil hospital itu dipotong daripada akaun Medisavanya.

Walaupun pemerintah memberikan penjagaan kesihatan yang termampu menerusi subsidi, Medisave, MediShield dan Medifund, para pesakit digalakkan agar jangan memilih wad yang di luar kemampuan mereka jika mereka dimasukkan ke hospital. Bagi Cik Teo, beliau telah bertindak secara bijak dengan memilih wad kelas B2 untuk bapanya.

Satu lagi sebab yang penting yang membuatnya berazam untuk menyetepikan wang ke dalam Medisave ialah kerana beliau tidak mahu menjadi beban kewangan kepada keluarganya.

Kata Cik Teo: "Kebanyakan ibu bapa ingin berdikari dan tidak membebankan anak-anak mereka. Saya juga begitu. Saya kuat dan sihat sekarang tetapi siapa tahu apa akan berlaku pada masa hadapan? Medisave adalah perlindungan kewangan saya sekiranya saya sakit." Beliau meneruskan,



Untuk maklumat lanjut, sila lungsuri laman [www.moh.gov.sg](http://www.moh.gov.sg).